

## **SYEIKH TAHIR JALALUDDIN: REFORMIS PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGGERAK KESEDARAN KEMERDEKAAN TANAH MELAYU 1899-1956**

*Kamarul Afendey Hamimi\*, Muhammad Iqbal Samadi & Ibrahim Ahmad  
Universiti Kuala Lumpur-Royal College of Medicine Perak  
kamarulafendey@unikl.edu.my\**

### **ABSTRACT**

This paper analyzes the role of Syeikh Tahir Jalaluddin as an Islamic scholar and reformist who was active in the Islamic education and da'wah which started in 1899 in Malaya. Syeikh Tahir was also the activist of the Kaum Muda movement which modernized the madrasah education system as well as inspiring and creating awareness of independence to students and surrounding community through his writing and da'wah. The method of research is based on primary sources and secondary sources. This paper will use the historiography method and data's are obtained through relevant literature. The objective of this study is to highlight the contributions of Syeikh Tahir Jalaluddin as an Islamic scholar, a reformist in the field of education and the initiator for the progress of independence in Malaya. Findings from this research has discovered that Syeikh Tahir Jalaluddin did not initiate the movement for independence through political activities because around 1900-1930 there was no political movement party in Malaya. However he was arrested in 1928 when he returned to Sumatra for allegedly inciting the people to go against the Netherlands. After being released by the Netherlands until the end of his life in 1956, he strategically chose to use the Islamic education platform to raise awareness for independence among Malays. Syeikh Tahir Jalaluddin methods were primarily to encourage the Malays to strengthen and increase their knowledge and also to embrace the proper teachings of Islam. Being a well known religious scholar and reformist he was visited by many independent activists such as Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ibrahim Yaakub and Dr. Burhanuddin al-Helmy for his views and advice regarding to struggle for independence in Malaya.

Keyword: *al-Imam, Saudara, Kaum Muda, Reformist*

### **ABSTRAK**

Kertas kerja ini menganalisis peranan Syeikh Tahir Jalaluddin yang merupakan ulama reformis yang bergiat aktif dalam dunia pendidikan dan dakwah bermula pada tahun 1899 di Tanah Melayu. Beliau yang juga merupakan pendukung aliran Kaum Muda berjaya memodenkan sistem pendidikan madrasah di samping meniupkan semangat kesedaran kemerdekaan kepada pelajar dan masyarakat di sekelilingnya melalui penulisan dan dakwahnya. Kaedah kajian ini adalah berdasarkan sumber primer dan sumber sekunder. Penulisan makalah ini menggunakan metode historigrafi dan data turut diperoleh melalui pembacaan literatur yang relevan dengan rumusan persoalan yang digarapkan. Objektif kajian ini adalah untuk mengetengahkan sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin yang merupakan seorang ulama reformis dalam bidang pendidikan dan penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Daripada hasil metode sejarah tersebut mendapati beliau tidak menggerakkan kesedaran kemerdekaan melalui kegiatan politik kerana sekitar 1900-1930-an belum lagi adanya gerakan politik kepartian di Tanah Melayu. Namun kegiatan menyedarkan masyarakat menuntut kemerdekaan tersebut menyebabkan beliau ditangkap pada tahun 1928 ketika pulang ke Sumatera kerana didakwa turut menghasut masyarakat di sana menentang Belanda. Selepas dibebaskan oleh Belanda sehingga akhir hayatnya pada tahun 1956, beliau memilih strategi pendidikan dan dakwah untuk menyedarkan orang Melayu menuntut

kemerdekaan. Syeikh Tahir Jalaluddin menggunakan kaedah dengan mengajak orang Melayu terlebih dahulu mengukuhkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan di samping kembali kepada ajaran Islam sebenar. Kewibawaannya sebagai ulama reformis menyebabkan beliau juga sering dikunjungi aktivis pejuang kemerdekaan yang lain seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ibrahim Yaakub dan Dr Burhanuddin al-Helmy untuk mendapatkan pandangan dan nasihat beliau berkaitan perjuangan menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu.

Kata Kunci: *al-Imam, Saudara, Kaum Muda, Reformis*

## **PENGENALAN**

Tokoh ulama yang menjadi pelopor reformis sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Beliau merupakan reformis Kaum Muda yang paling tinggi darjah keintelektualannya di Tanah Melayu berdasarkan latar belakang pendidikan formalnya dalam bidang agama. Menurut Hamka (2010: 372), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dilahirkan pada 4 Ramadhan 1286H bersamaan 7 Disember 1869 di Kota Tua, Ampek Angkek, Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Pada tahun 1880 beliau pergi ke Mekah mempelajari agama Islam dengan mengikuti sepupunya, Syeikh Ahmad Khatib yang diterima sebagai imam dan guru di Masjidil Haram. Beliau pulang seketika ke kampungnya dan kembali semula ke Mekah untuk membantu sepupunya mengajar murid-muridnya.

Menurut Abu Bakar Hamzah (1981: 175-176), Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tinggal di Mekah selama 12 tahun dan berkesempatan membuat lawatan pendek ke Sumatera dan Tanah Melayu sebanyak tiga kali. Sebelum melanjutkan pelajarannya ke Universiti al-Azhar, beliau berkahwin dengan dua orang gadis Minangkabau. Namun begitu perkahwinan tersebut tidak kekal lama. Beliau melanjutkan pelajaran ke Mesir pada 1895 dan sempat belajar di Universiti al-Azhar selama tiga tahun. Setelah tamat pengajian di Mesir, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tidak terus tinggal di Sumatera Barat sebaliknya beliau mengembangkan ilmu agamanya ke Tanah Melayu pada 1899. Semasa di Universiti al-Azhar, beliau berkesempatan mempelajari ilmu falak dan kepakarannya dalam ilmu tersebut menyebabkan di hujung namanya disebut sebagai "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki".

Berdasarkan fail surat persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin di Arkib Negara (SP 10- Catatan Riwayat Hidup), beliau berdakwah dan berkahwin di Kuala Kangsar, Perak pada 28 September 1899 dengan seorang gadis Melayu Perak yang bernama Aishah bt Hj Mustafa Datuk Menteri. Sejak tarikh itu sehingga tahun 1905, beliau menghabiskan masanya dengan menjelajah Tanah Melayu, Riau, Lingga, Sumatera dan Timur Tengah sebagai guru agama dan ilmunan. Sejak menetap di Perak dari 1899 hingga 1911, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjawat beberapa jawatan penting di Mahkamah Syariah Perak. Kehebatan ilmu falak Syeikh Tahir Jalaluddin juga menyebabkan beliau turut dilantik oleh Sultan Perak sebagai pemeriksa kiblat masjid di negeri Perak pada 1900. Beliau diberi kuasa mengarah Penghulu, Kadi dan Naib Kadi untuk menurut arah kiblat yang ditentukannya. Dalam surat pelantikan tersebut, (SP/10-Surat pelantikan Syeikh Tahir sebagai Pemeriksa Kiblat oleh Sultan Idris Murshidil Aazam Shah pada 3 Oktober 1900), Sultan Idris al-Mursyidul A'zam Syah mengatakan Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai:

*Who is a learned religious man in every knowledge and Qiblah and we trust and empower him to go about and examine all mosque and other places of Islamic worship in Perak and correct the Qiblah wherever it is incorrect.*

Pada tahun 1907 Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dijemput ke Johor oleh Yang Mulia Engku Omar bin Ahmad, Hakim Besar Johor untuk mengajar beberapa orang hakim tentang perundangan Islam. Antara hakim yang mendapat tunjuk ajar beliau termasuklah Engku Omar Ahmad, Engku Che Ismail Ahmad, Engku Abdul Rahman dan beberapa orang hakim lagi di Johor. Beliau bertugas selama lima tahun sebagai pengajar hakim berkenaan dengan gaji sebanyak \$100 sebulan bermula Ahad 11 Julai 1907 sehingga tahun 1912. (SP10-Diari Syeikh Tahir Jalaluddin 1909)

Menurut William R. Roff (1967:78), ketika berada di Johor, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dijemput mengiringi Sultan Perak, Sultan Idris ke London sebagai Imam Diraja kerana menghadiri istiadat pertabalan King George V sebagai Raja England pada 22 Jun 1911. Ini merupakan satu penghormatan kepada beliau kerana mendapat kepercayaan sultan untuk bersama-sama dengan delegasi tersebut. Syeikh Tahir Jalaluddin akhirnya bermastautin di Kuala Kangsar dan terlibat dalam dunia dakwah sehingga akhir hayatnya. Ulama yang banyak menyumbang jasa ini kembali kerahmatullah pada 26 Oktober 1956 di Kuala Kangsar, Perak dengan meninggalkan jasa yang amat besar dalam dunia umat Islam terutama di rantau Asia.

## **PERJUANGAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN SEBAGAI REFORMIS PENDIDIKAN ISLAM**

Menurut Abdullah Alwi Haji Hassan (1980:192) pada abad yang ke-18, perkembangan sistem pendidikan Islam berlaku secara tidak formal sama ada di istana, rumah, masjid ataupun surau. Ilmu-ilmu Islam tersebut diajar secara tidak formal dengan ruang yang terhad dan sempit serta tidak mampu menampung bilangan pelajar yang ramai terutamanya yang datang dari jauh. Berdasarkan kajian Mohammad Redzuan Othman (2005:63), ulama Melayu yang menuntut di Timur Tengah pulang kembali ke Tanah Melayu dan mula memikirkan untuk mendidikan sistem pendidikan yang lebih formal. Mereka mendirikan sistem pendidikan agama yang dikenali sebagai pengajian Pondok. Pelajar yang berjaya menamatkan pengajian mereka di pondok tidak diberi sijil setelah menamatkan pelajaran. Mereka hanya dibekalkan dengan ilmu pengetahuan untuk membolehkan mereka menuntut ilmu di tempat lain terutama di Hijaz iaitu di Mekah dan Madinah dalam usaha mereka untuk menjadi seorang ulama.

Apabila Syeikh Tahir Jalaluddin pulang dari Mesir pada 1899, beliau cuba membuat reformasi dalam sistem pendidikan pondok. Pada ketika itu lepasan dari Timur Tengah cuba memperkenalkan sistem pendidikan madrasah. Namun begitu, Syeikh Tahir Jalaluddin bukanlah orang yang pertama mendirikan madrasah di Tanah Melayu. Menurut Othman Bakar (1980:66), penubuhan madrasah terawal dikesan di Tanah Melayu dibangunkan oleh seorang lulusan Universiti al-Azhar iaitu Syeikh Salleh Masri apabila beliau menubuhkan Madrasah al-Masriyah di Tanah Liat, Bukit Mertajam pada 1906. Namun begitu Syeikh Tahir Jalaluddin banyak membuat perubahan kepada sistem pendidikan madrasah di bawah pengendaliannya seperti mengadakan sistem peperiksaan berbanding sistem pendidikan pondok yang tiada peperiksaan. Beliau cuba menjadikan sistem pendidikan agama yang lebih bersepadu dengan menambah subjek pendidikan bahasa Inggeris, matematik dan sains. Pada tahun 1914, beliau mula mengajar dan menjadi Nazir sekolah-sekolah agama di daerah Muar dan Batu Pahat. (SP10-Diari Syeikh Tahir Jalaluddin 1909).

Pada 1919 juga ketika menjawat jawatan sebagai guru agama di sana, beliau sekali lagi mendapat jemputan daripada Imam Paduka Tuan untuk menjadi Ketua Kadi atau Kadi Besar di Perak. Kerajaan Negeri Perak menawarkan sebuah rumah tanpa disewa, elaun \$25 sebulan,

elaun makanan \$100 untuk jawatan berkenaan. Namun begitu, Syeikh Tahir menolak tawaran tersebut dengan baik dan terus menumpukan perhatiannya untuk menjadi pengajar di madrasah. Beliau lebih cenderung untuk membuat perubahan dalam sistem pendidikan Islam berbanding bekerja di istana. (SP10/6-Surat Imam Paduka Raja kepada Syeikh Tahir).

Justeru, pada 1920 Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin berhijrah ke Pulau-Pinang dan bertemu dengan rakan baiknya, Syed Syeikh al-Hadi. Semasa di Pulau Pinang, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjadi guru dan mudir di Madrasah al-Mashoor kepunyaan rakannya itu. Setelah dua tahun berada di Pulau Pinang, beliau kembali semula ke Johor untuk mengajar dan menjadi mudir Madrasah al-Arabiah Haji Muhammad Taib di Parit Jamil, Muar di Johor. Semasa Syeikh Tahir Jalaluddin berada di madrasah ini, beliau telah membentuk pendidikan yang lebih bersepadu. (Mohd Sarim Hj Mustajab 1977:4)

Di madrasah tersebut beliau telah membuat reformasi terhadap silibus pendidikan Islam. Di madrasah tersebut bukan sahaja diajar bidang agama bahkan bidang yang lain seperti bahasa Inggeris, matematik dan geografi. Syeikh Tahir Jalaluddin turut menyedari kepentingan bahasa Inggeris demi kemajuan masyarakat Melayu pada masa depan untuk menggali ilmu pengetahuan bangsa Eropah. Justeru, beliau mengupah seorang Inggeris di Johor untuk mengajar bahasa Inggeris di madrasah berkenaan. Pada ketika itu mempelajari bahasa Inggeris merupakan satu yang asing dan dianggap tidak Islamik, bahasa penjajah dan mempelajarinya boleh menjadi kufur mengikut pandangan ulama Kaum Tua. (Ismail Ibrahim 1992:24)

Menurut Bactiar Djamily (1994:25), pemikiran futuristik Syeikh Tahir Jalaluddin tentang kepentingan pelajaran yang holistik ini ditimbanya hasil pengalamannya menuntut ilmu di perantauan. Memang amat jarang seorang ulama ketika itu mahu mempelajari bahasa penjajah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin. Namun pendedahan pergaulan pendidikannya di Mesir telah membuktikan pemikiran reformisnya terhadap kepentingan ilmu yang bersepadu. Di Mesir selain mempelajari bahasa Inggeris, beliau turut mengikuti kelas bahasa Belanda. Ini merupakan persediaannya menghadapi pihak penjajah yang menguasai ilmu dalam bahasa berkenaan. Manakala menurut William R. Roff (1975:76), selain daripada ilmu agama yang dipelajari di Mekah selama 12 tahun, beliau turut mempelajari ilmu hisab (matematik), handasah (kejuruteraan) dan falak (astronomi) selain bahasa Inggeris dan bahasa Belanda.

Demikianlah sifat beliau selaku ulama reformis yang perlu dicontohi oleh para pelajar aliran agama di negara ini untuk menjadi mahir dalam pelbagai disiplin ilmu agar menjadi ulama yang berwibawa suatu masa nanti. Selain itu, ulama dan guru agama di negara ini yang lebih terdedah kepada sistem pendidikan yang diperoleh sama ada pada peringkat tempatan, pendidikan Timur Tengah dan juga Barat perlulah membuat anjakan paradigma kepada sistem pendidikan Islam supaya lepasan pelajar pendidikan Islam lebih berdaya saing, relevan dan memenuhi kehendak semasa. Silibus-silibus pengajian Islam baik pada peringkat sekolah rendah, menengah atau universiti perlulah diintegrasikan dengan keperluan semasa yang berteraskan pendidikan Islam tetapi bersifat holistic dengan perkembangan dunia semasa. Kesannya akan dapat memenuhi kehendak pasaran yang mampu melahirkan pelajar yang berpengetahuan dalam bidang pengajian Islam tetapi mahir dalam sains dan teknologi serta mempunyai kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa utama dunia. Demikian juga kursus-kursus pengajian seperti kedoktoran, kejuruteraan dan seni bina di kolej dan universiti Islam perlulah diintegrasikan dengan sumber ilmu daripada tamadun Islam agar graduan yang lahir nanti mampu mencipta kembali sejarah kejayaan tamadun Islam lampau yang mampu mengarapkan sains dan teknologi berlandaskan ilmu wahyu daripada al-Quran dan hadis.

Kepekaan Syeikh Tahir Jalaluddin terhadap perluasan ilmu Islam, tidak terbatas kepada ilmu keagamaan semata-mata malah meliputi ilmu-ilmu moden yang lain. Hal ini dinyatakan oleh Bachtiar Djamil (1994: 71) bahawa Syeikh Tahir Jalaluddin berpendapat, orang Melayu perlulah terlebih dahulu menguasai ilmu yang dikuasai oleh orang Eropah jika ingin mencapai kemerdekaan. Justeru, beliau menggunakan pengaruhnya dengan mengirim surat kepada Sultan Iskandar Shah di Perak agar dapat mendirikan sebuah universiti yang mencakupi pelbagai bidang ilmu untuk membangunkan bangsa Melayu. Coretan surat beliau kepada Sultan Iskandar Syah adalah seperti berikut:

*Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, adalah bagi patik sekalian cita-cita yang maha besar pada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangatlah berharap patik sekalian mudah-mudahan dengan ketinggian hemah Ke Bawah Duli mendapat yang dicita-cita itu iaitu satu (Jami'yah) tempat perhimpunan segala jenis pelajaran yang dinamakan dia (universiti) di dalam negeri ini khususnya seorang Islam umumnya diajarkan di dalamnya segala jenis ilmu daripada ilmu yang sudah lama terbitnya dan yang baharu dan satu cawangan daripadanya ilmu Islam dan bahasanya yang boleh menggayakan orang-orang sebelah Timur ini daripada berdagang ke negeri Mesir dan lainnya, maka jadilah ini pada masa itu kelebihan yang terutama bagi Ke Bawah Duli dan jasa yang berbilang di sisi sekalian orang-orang yang berakal.*

Demikianlah kesedaran pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin tentang keperluan pendidikan kepada anak Melayu sebagai persediaan mencapai kemajuan bangsa. Walau bagaimanapun, amat malang apabila idea reformisnya itu dipandang sepi oleh pihak istana pada ketika itu. Namun begitu berkat doa dan harapan ulama tersebut akhirnya tercapai jua, apabila selepas hampir 100 tahun kemudiannya kerajaan negeri Perak menubuhkan Kolej Islam Darul Ridzuan pada 1999 di Ipoh, Perak. Hasil inisiatif almarhum Sultan Azlan Syah memberikan tapak tanah kampus, kolej tersebut akhirnya dipindahkan ke Bukit Chandan Kuala Kangsar pada tahun 2009. Pada tahun 2016 pula, statusnya telah dinaikkan oleh kerajaan Malaysia sebagai universiti yang dikenali sebagai Universiti Sultan Azlan Syah bagi mengenang jasa baginda yang banyak membantu membangunkan universiti tersebut.

Selain Syeikh Tahir Jalaluddin membuat reformasi dalam bidang pendidikan melalui perubahan sistem silibus dan mengadakan sistem peperiksaan, beliau turut membuat reformasi pemikiran masyarakat untuk mengutamakan pendidikan melalui tulisannya dalam majalah. Beliau sering mengajak masyarakat untuk menitikberatkan budaya ilmu. Melalui syairnya yang bertajuk “Kegunaan Pelajaran”, Syeikh Tahir Jalaluddin menyeru orang Melayu menuntut ilmu sebagaimana bangsa lain yang memiliki pelbagai ilmu.

*Ayuhai sekalian ahli pelajaran  
Gunakan ilmu serta fikiran  
Angkat kaumu daripada keterlanjuran  
Tunjukkan bangsa jalan kebenaran*

*Tidakkah tuan melihat kurang  
Bangsa dan kaum bagaimana sekarang  
Penyakit nampak di tengah terang  
Umpama orang kekalahan perang*

*Tidakkah tuan memiliki merasa  
Keadaan kaum ataupun bangsa  
Di dalam kehinaan senantiasa  
Bodoh dan jahil selamanya masa  
Bangsa yang lain memandang kita  
Dengan kehinaan sekalian rata  
Serta dengan tutur dan kata  
Bermacam-macam pula sifat yang lata.*

Berdasarkan syair di atas, sepatutnya umat Islam ini mengambil pedoman tentang kepentingan ilmu berdasarkan syair Syeikh Tahir Jalaluddin tersebut. Namun begitu cabaran yang dihadapi oleh tokoh ulama tersebut 100 tahun lalu dengan cabaran kedudukan umat Islam di tanah air kini masih tidak berubah. Masih ramai ibu-bapa yang ketika ini kurang menitik beratkan ilmu dan masih ramai anak-anak Melayu-Islam yang tercicir daripada alam persekolahan akibat kemiskinan dan kurang kesedaran daripada ibu-bapa. Malah umat Islam di negara ini terdedah pula dengan masalah sosial seperti ancaman penyalahgunaan dadah, seks bebas, pembuangan bayi dan kadar jenayah yang tinggi di negara ini.

Menurut Mohamad Kamil Abdul Majid (1990:104), reformasi terhadap pendidikan Islam ini berlaku sewaktu Syeikh Tahir Jalaluddin berada di Mesir dan beliau banyak dipengaruhi oleh pemikiran Syeikh Muhammad Abduh selain daripada pergaulannya yang erat dengan Sheikh Muhammad Rasyid Rida, murid Sheikh Muhammad Abduh yang setia. Apabila Sheikh Muhammad Rashid Rida menerbitkan majalah *al-Manar* pada tahun 1898, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin turut menulis beberapa rencana di dalam majalah tersebut. Malah menurut Hamka (1961:178), *al-Manar* adalah penyambung lidah *al-'urwat'al-Wuthqa* dalam memperjuangkan cita-cita kebangkitan Islam, malah majalah ini lebih lengkap daripada *al-'urwat'al-Wuthqa* kerana selain daripada membangkitkan semangat umat, majalah ini dipenuhi dengan pandangan-pandangan Islam yang baharu berlandaskan pentafsiran *al-Quran*. Pemikiran majalah *al-Manar* telah mempengaruhi pemikiran Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Setelah menamatkan pengajiannya, beliau kembali ke Sumatera Barat pada tahun 1899 beliau tetap menjadi ahli *al-Manar* dan merupakan pelanggan tetap majalah tersebut sehingga tamat penerbitannya pada tahun 1937 berikutan kematian Syeikh Muhammad Rashid Rida.

Idea dan pembaharuan yang dibawa oleh Syeikh Jamaluddin al-Afghan, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Redha melalui majalah *al-Manar* membuka jalan dan idea kepada Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin untuk menerbitkan *al-Imam* di Tanah Melayu. Bagi beliau, kelemahan umat Islam hari ini boleh diatasi dengan melaksanakan idea islah dalam amalan agama yang kini telah menyeleweng daripada ajaran sebenar akibat kekeliruan masyarakat. (*al-Imam* 23 Julai 1906)

Berdasarkan kajian Abu Bakar Hamzah (1990:186), sebagai reformis pendidikan Islam, Syeikh Tahir Jalaluddin menyalurkan firqah pembaharuannya melalui majalah *Saudara* yang turut dijadikan bahan bacaan pelajar di madrasah. Beliau bergabung tenaga dengan Syed Syeikh al-Hadi dalam usaha menerbitkan majalah *Saudara* pada 1926 di Pulau Pinang. Pada tahun 1934, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjadi ketua Pengarang Majalah *Saudara* setelah kematian Syed Syeikh al-Hadi. Beliau banyak menulis makalah dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab di samping menerbitkan beberapa terjemahan daripada bahasa Arab. Di samping kegiatan penulisan dalam majalah *al-Imam*, beliau turut menulis dalam majalah *al-Ikhwan*, *Neraca*, *Semangat Islam* dan *Bumiputera* yang semuanya diterbitkan di Pulau Pinang.

Selain itu berdasarkan rujukan surat persendirian (SP10/E-6) Haji Muhammad Said kepada Syeikh Tahir Jalaluddin pada 2 Januari 1927, Syeikh Tahir Jalaluddin turut menulis dalam majalah *Pengasuh* iaitu majalah yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Hubungannya yang baik dengan pengarang Majalah *Pengasuh* iaitu Haji Muhammad Said menyebabkan urusan penerbitan karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin berjalan dengan mudah dan Haji Muhammad Said juga kerap mendapatkan pandangan beliau tentang beberapa masalah agama. Abu Bakar Hamzah (1990: 185-186) turut mencatatkan antara karya lain Syeikh Tahir Jalaluddin ialah:

- a. Perisai Orang Beriman Pengisi Madhhab (1930)
- b. Ini huraian yang Membakar "Taman persuratan" (1932)
- c. Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima (1938)
- d. Natijat 'I-Ummi (1951)
- e. Tazkirat'I-Muttabii 'I-Sunnah fi 'r-Raddi ala 'I-Qaili bi-Sunnati Rak'attaini Qabla 'I-Jumu'at (1953)
- f. Risalah Penebas Bid'ah-Bid'ah di Kepala Batas (1953)

Segala hasil penulisan beliau menjadi bahan bacaan masyarakat terutamanya para pelajar di madrasah dan hal ini secara tidak langsung telah mengubah fikrah para pelajarnya untuk menghayati ajaran Islam sebenar terutamanya berkaitan dengan dunia pendidikan Islam. Usaha beliau ini perlulah dicontohi oleh ulama di negara ini untuk membanyakkan penulisan kitab baik dalam media cetak ataupun elektronik yang boleh menjadi rujukan generasi mendatang berbanding kecenderungan sesetengah ulama kini yang hanya banyak bercakap tetapi tidak menulis sebarang kitab malah sibuk pula berpolemik berdebat dalam alam maya media elektronik sesama sendiri atau dengan khalayak masyarakat sehingga memecah belahkan masyarakat.

Selain itu, usaha sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai reformis perintis pendidikan yang telah memodenkan sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu juga perlu dicontohi. Usaha beliau mengintegrasikan sistem pendidikan madrasah moden inilah telah melahirkan sistem pendidikan Islam yang lebih komprehensif dengan memperkenalkan subjek-subjek yang sangat diperlukan dalam dunia moden Islam seperti pendidikan matematik, geografi, sains dan juga bahasa Inggeris. Sistem madrasah moden ini turut berorientasikan peperiksaan yang kini kekal dilaksanakan di madrasah dan juga sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) pada hari ini. Kesannya keluaran pelajar aliran agama di negara lebih berdaya saing dengan perkembangan dunia semasa dan mempunyai nilai ekonomi dalam pasaran kerjaya.

### **SYEIKH TAHIR JALALUDDIN PENGGERAK KESEDARAN KEMERDEKAAN**

Hamka (2010:371) menyatakan di dalam diri Syeikh Tahir Jalaluddin mengalir darah pejuang menentang penjajahan. Datuk di sebelah ibunya, Tuanku Nan Rantijak merupakan ulama terkenal yang berjuang pada zaman gerakan Kaum Paderi di Sumatera menentang Belanda. Jika dahulu datuknya menentang Belanda dengan senjata tetapi perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin adalah melalui pena sama ada dalam majalah, buku ataupun akhbar. Walaupun beliau tidak menonjol dalam bidang politik kerana sekitar 1900 hingga 1930 belum lagi berlaku momentum penubuhan parti-parti politik di Tanah Melayu tetapi peranannya memberi kesedaran kemerdekaan kepada masyarakat begitu ketara. Sejak tahun 1923 lagi perjuangan kesedaran kemerdekaan pada diri Syeikh Tahir Jalaluddin telah timbul walaupun beliau mengetahui masyarakat Melayu masih belum bersedia untuk menyambut kemerdekaan tersebut. Ini berdasarkan pandangan daripada pemerhatian beliau bahawa orang Melayu masih kurang ilmu, baik dalam bidang agama mahupun bidang-bidang yang lain seperti politik, ekonomi dan sosial. Untuk mencapai cita-cita kemerdekaan tersebut, Syeikh Tahir Jalaluddin terlebih dahulu memberi kesedaran kemerdekaan kepada bangsa Melayu dengan mengutamakan pelajaran dunia dan akhirat. Justeru, tidak hairanlah beliau cuba untuk mengintegrasikan ilmu agama dengan ilmu-ilmu yang lain.

Syeikh Tahir Jalaluddin banyak memberi semangat dan dorongan kepada pejuang-pejuang Islam untuk berdepan dengan penjajah sama ada di Indonesia dan di Tanah Melayu. Justeru tidak hairanlah sewaktu pulang ke Sumatera Barat pada Julai 1928, beliau ditangkap oleh Belanda

kerana disyaki terlibat dengan kegiatan menentang penjajah tersebut. Beliau dibebaskan semula setelah enam bulan berada dalam tahanan. Belanda menangkap beliau pada 1928 kerana dikatakan terlibat melancarkan jihad menentang Belanda. Beliau dituduh bersekongkol dengan Parti Komunis Indonesia (PKI) untuk menghasut rakyat menentang Belanda. (SP10-Catatan Riwayat Hidup). Semangat menentang penjajah ini dapat dilihat dalam bait-bait syair Syeikh Tahir Jalaluddin seperti berikut:

*Kuseru kaumku tidak berhenti  
Maju ke hadapan semangat kukuati  
Kuwakafkan diriku menjadi bakti  
Redalah hingga nyawaku mati. (SP10/ 109- Syair Renungan)*

Semangat kebangsaan beliau diluahkan melalui kesedarannya itu dalam syair ‘Perasaan Pemerhatian’ agar masyarakat Melayu bangkit daripada dihambai oleh penjajah. Hal ini dinukilkan oleh beliau seperti berikut:

*Masuklah kaumnya ke jalan kemajuan  
Masyurlah bangsanya hingga ke awan  
Kita pun gentar memandangnya tuan  
Seumpama budak tujuan sawan  
Masuk mereka ke negeri kita  
Dimiliki segala bumi dan harta  
Diperhambanya kita seperti unta  
Dihisapnya darah selera anggota (SP 10/109- Syair Perasaan Pemerhatian)*

Menurut Fadhlullah Jamil (2003: 34), setelah keluar daripada penjara dan kembali ke Tanah Melayu, Syeikh Tahir Jalaluddin sering dikunjungi oleh penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Dr. Burhanuddin al-Helmi yang merupakan tokoh penggerak Hizbul Muslimin dan PAS untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan British. Kedatangan mereka itu adalah untuk mendapatkan pandangan dan nasihat daripada seorang tokoh agama yang berjiwa islah dan anti penjajah. Keadaan sosial orang Melayu sekitar 1930-an orang Melayu masih terlalu miskin dan masih kurang berpendidikan. Ekoran kurangnya institusi pendidikan formal menyebabkan ramai buta huruf. Justeru menurut Syeikh Tahir Jalaluddin, kemerdekaan yang diperjuangkan itu memerlukan beberapa syarat untuk menjayakannya. Ini dapat dilihat dalam kenyataan beliau:

*Kemerdekaan itu bikinan beberapa syarat dan pada pandangan saya belumlah sampai waktunya bagi kita boleh memerintah dan bersendiri. Sekiranya itu yang dikehendaki terwajiblah atas kita sekalian anak bumiputera berpengetahuan yang sempurna pada segenap perkara, bukanlah segala pengetahuan agama sahaja bahkan segala pengetahuan dan kepandaian orang-orang Eropah, mestilah dapat dahulu dan sempurna kekayaan anak bumi. Apabila telah sempurna dan cukup syarat-syarat itu barulah boleh cita-cita yang tidak boleh dapat. Jikalau berjalan pun nescaya mendapat keselamatan dan kemerdekaan dan jikalau tidak nescaya kehendak mendatang bahaya atas diri, maka yang demikian tiada dibenarkan oleh syarak. (SP 10-Diari 1923)*

Berdasarkan pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin tersebut, jika kemerdekaan dicapai tanpa ketinggian ilmu, maka hanya akan lebih membahayakan negara yang baru mencapai kemerdekaan kerana kedangkalan ilmu untuk mentadbir negara berkenaan. Justeru, orang Melayu perlulah mempunyai pelbagai ilmu sebagai pra syarat untuk mencapai kemerdekaan. Jika dilihat daripada hasil karyanya pula, Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan ulama yang sering menitip kesedaran kemerdekaan orang Melayu dengan menggalakkan mereka bersaing dengan bangsa lain untuk menuntut ilmu. Beliau turut mengajak bangsanya agar gigih menuntut ilmu. Hal ini dapat dihayati dalam syair-syair beliau. Antaranya ialah Syair “*Doa dan Harapan*”.



*Tangan cita-cita telah mengibarkan  
Panji-panji ilmu yang kepujian  
Jadilah maju dengan kemuliaan  
Tempat penuntut ilmu pengetahuan*

*Maralah kamu wahai kaumku  
Mengejar ketinggian sungguhkan tuku  
Dengan ilmu dapat berlaku  
Segala cita-cita di hati terbuka*

*Dengan kejahilan lamalah sudah  
Kita terbenam hina dan rendah  
Kaum yang lain ilmunya indah  
Kemuncak awan ditonggang mudah (SP10/114-Syair Doa dan Harapan)*

Berdasarkan syair di atas sebagai reformis Islam, Syeikh Tahir Jalaluddin melihat kemunduran umat Melayu ini disebabkan kejahilan mereka tentang ajaran Islam yang sebenar dan kegagalan menguasai ilmu pengetahuan yang lain. Kekurangan ilmu menyebabkan orang Melayu mudah diperkotak-katikkan oleh bangsa asing dan akhirnya terjajah di bumi sendiri. Justeru untuk menentang penjajah, Syeikh Tahir Jalaluddin telah menitip semangat kesedaran kepada orang Melayu bahawa mereka mestilah mempersiapkan diri dengan ilmu dunia dan akhirat sebelum memerdekakan tanah air ini.

## KESIMPULAN

Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan reformis pendidikan Islam yang menggerakkan masyarakat agar kembali menguatkan Islam dengan memahami tuntutan agama dengan mencari kepelbagaian ilmu. Keupayaan beliau mengimbangi ilmu dunia dan akhirat memungkinkannya menjadi ulama yang berwibawa hingga diterima bekerja di institusi-institusi seperti jabatan agama, mahkamah syariah dan istana sebagai penasihat agama. Kerjayanya sebagai kadi, guru agama kerajaan, hakim besar mahkamah, mudir madrasah dan pegawai falak negeri memudahkan pengaruh reformis agamanya itu tersebar melalui institusi agama dan istana seterusnya kepada masyarakat di kampung-kampung. Peranannya sebagai ulama, mampu menyedarkan masyarakat melalui kuliah-kuliahnya di surau dan masjid. Manakala karyanya pula mendapat tempat di dada-dada akhbar islah di tanah air. Melalui karyanya, semangat kebangsaan beliau terserlah terutama dalam bait-bait syairnya untuk menyedarkan bangsa agar bangun daripada kehinaan kemiskinan dan kecacatan ilmu. Itulah kesedaran kemerdekaan yang dipupuk oleh beliau kepada masyarakat Melayu. Justeru, ulama mutakhir di negara ini perlulah mengambil iktibar untuk menjadi reformis kepada masyarakat dengan mengajak umat Islam kembali menghayati Islam, mementingkan pendidikan yang holistik dan menyatukan umat Islam yang sering bertelagah pendapat sehingga menggugat perpaduan umat.

## RUJUKAN

- Al-Imam. Jilid 1, Bilangan 1, 23 Julai 1906
- Abdullah Alwi Haji Hassan. (1980). *“The Development of Islamic Education in Kelantan” dalam Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abu Bakar Hamzah. (1981) *Al-Imam-Its Role in Malay Society 1906-1908*, Thesis Ph.D. University of Kent.
- \_\_\_\_\_. (1990). *Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur: Media Cendekiawan.

- Bachtiar Djamily. (1994). *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki*. (Jakarta: PT Kreasi Jaya Utama).
- Fadhlullah Jamil. (2003). *Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin, dalam Sohaimi Abdul Aziz, ed. Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hamka (2010). *Ayahku*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- \_\_\_\_\_ (1961). *Pengaruh Muhammad 'Abduh di Indonesia* Djakarta: Tintamas.
- Ismail Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dollah. (1992). "Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956), Reformis Islam" dalam Ismail Mat, (ed.), *Ulama Silam dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Kamil Ab. Majid, ed. (1990). *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Petaling Jaya. Dewan Pustaka Islam.
- Mohammad Redzuan Othman. (2005) *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu", *Malaysia in History*, Vol XX, No. 11, December 1977.
- Othman Bakar. (1980) *Haji Salleh Mastri pengasas al-Masriyyah dalam Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Roff. W.R., (1975). *Nasionalisma Melayu*, terj. Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ (1967). *The Origins of Malaya Nationalism*, New Haven and London: Yale University Press.
- SP 10, Catatan Latar Belakang dan Riwayat Hidup Syeikh Tahir Jalaluddin.
- SP 10, Diari 1909 Syeikh Tahir Jalaluddin.
- SP 10, Diari 1923 Syeikh Tahir Jalaluddin.
- SP 10, Surat pelantikan Syeikh Tahir sebagai Pemeriksa Kiblat oleh Sultan Idris Murshidil Aazam Shah pada 3 Oktober 1900.
- SP 10/16, Surat Imam Paduka Raja kepada Syeikh Tahir berhubung jawatan Kadi Besar Perak 6/1/1919.
- SP 10/109, Syair Renungan
- SP 10/109, Syair Perasaan Pemerhatian
- SP 10/114, Syair Doa dan Harapan
- SP10/E-6, Surat Haji Muhammad Said kepada Syeikh Tahir Jalaluddin pada 2 Januari 1927.